

**SOALAN NO. 55****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' TAKIYUDDIN BIN  
HASSAN [ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 14 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Dato' Takiyuddin Bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ciri-ciri yang diambil kira oleh Kerajaan dalam merangka undang-undang khas bagi membendung fenomena berita-berita palsu dalam pelbagai bentuk media di negara ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu penyebaran berita tidak benar merupakan masalah yang dihadapi secara global ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan pantas. Justeru, Kerajaan berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk mengemaskini dan menambahbaik undang-undang sedia ada mengikut perkembangan teknologi dan media massa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan sedang dalam proses untuk memuktamadkan Rang Undang-Undang mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan penyebaran berita tidak benar dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Setelah Rang Undang-Undang tersebut dimuktamadkan, ia akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bagi pertimbangan dan kelulusan sewajarnya.

Sekiranya Rang Undang-Undang tersebut dipersetujui oleh Jemaah Menteri, maka ia akan dibentangkan dalam sesi Dewan Rakyat kali ini bersama-sama dengan matlamat Kerajaan dalam menggubal undang-undang ini termasuk ciri-ciri yang diambil kira dalam penggubalan Rang Undang-Undang tersebut.

Sekian, terima kasih.